

Lawatan Naib Canselor UMS Brig. Jen. Prof Datuk Seri Panglima Dr. Kamaruzaman Hj. Ampon ke SSMP

Oleh: Siti Faridah Mohd. Amin



Pada tanggal 19 Oktober 2011, SSMP dengan bangganya menerima lawatan Naib Canselor UMS, Brig. Jen. Prof Datuk Seri Panglima Dr. Kamaruzaman Hj. Ampon yang sudi meluangkan masa dan beramah mesra dengan kakitangan akademik dan pentadbiran SSMP. Lawatan Datuk Seri diserikan lagi dengan kehadiran Timbalan Naib Canselor UMS iaitu Prof. Madya Dr. Hj. Kasim Hj. Md. Mansur, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) dan Prof. Dr. Mohd. Harun Abdullah, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi). Datuk Seri juga diiringi pegawai-pegawai daripada Jabatan Canselori iaitu Cik Norti Sirin, En. Herman Asalah dan Pn. Awina Kamis selaku pegawai pengiring daripada Jabatan Pendaftar.

Dalam lawatan Datuk Seri yang julung kali ke SSMP pada tahun 2011, beliau disambut mesra oleh Dekan SSMP, Prof. Madya Dr. Sharifudin Md. Shaarani dan semua warga SSMP. Dalam ucapan oleh Dekan SSMP, Prof. Madya Dr. Sharifudin Md. Shaarani memperkenalkan dan membentangkan 7 KPI SSMP yang meliputi bidang penyelidikan, pengajaran, penerbitan dalam jurnal berwasit, konsultansi, pengkomersilan dan khidmat masyarakat. Dalam ucapan beliau, banyak kejayaan-kejayaan para pensyarah SSMP dalam memenangi pelbagai anugerah inovasi dan penyelidikan di peringkat Malaysia

dan antarabangsa yang menyumbang kepada KPI sekolah dan juga kejayaan mereka memperolehi geran FRGS, Science-Fund dan sebagainya.

Dalam ucapan tersebut, Dekan SSMP menyampaikan beberapa plan pembangunan penyelidikan dan akademik SSMP meliputi aktiviti seperti mewujudkan "Pusat Latihan Pengendali Makanan" yang pertama di UMS, menubuhkan makmal akreditasi, menganjurkan "International Conference on Food Science and Nutrition" pada tahun 2012 dan menubuhkan "unit bakeri SSMP". Ucapan oleh Dekan SSMP disusuli dengan ucapan yang dinanti-nantikan oleh Brig. Jen. Prof Datuk Seri Panglima Dr. Kamaruzaman Hj. Ampon. Dalam ucapan Datuk Seri, menekankan hala tuju UMS ke arah transformasi pendidikan. Di bawah Pelan Strategik ini, tujuh teras diberikan penekanan, iaitu:

- Meluaskan akses dan meningkatkan ekuiti
- Menambah baik kualiti pengajaran dan pembelajaran
- Memperteguh penyelidikan dan inovasi
- Memperkasakan institusi pengajian tinggi
- Mempertingkatkan pengantarabangsa

- Membudayakan pembelajaran sepanjang hayat

- Memperkukuh sistem penyampaian KPT.

Dalam ucapan Datuk Seri, beliau memaklumkan untuk mewujudkan satu sistem bersepadu dalam pemantauan KPI di setiap J/S/P/I/U. Dalam ucapan beliau menggalakkan para pensyarah untuk meluaskan penggunaan teknologi dalam pembelajaran untuk meningkatkan sistem pembelajaran yang lebih menarik. Penglibatan pensyarah berpangkat 'Professor' dan 'Prof. Madya' dalam pembelajaran subjek 'fundamental' kepada para pelajar tahun pertama juga digalakkan. Ia diharapkan dapat menyuntik semangat dan memberi pendedahan awal kepada pelajar. Datuk Seri juga menyarankan setiap peringkat sekolah untuk menjana pendapatan sendiri melalui pemupukan ciri-ciri keusahawanan kepada pelajar bagi membiayai aktiviti-aktiviti mereka. Di akhir ucapan Datuk Seri memberi pujian kepada pihak SSMP yang banyak menyumbang kepada pencapaian UMS dari segi penyelidikan, penerbitan dan sebagainya. Ucapan tahniah Datuk Seri ditujukan kepada Dekan SSMP atas usaha dekan SSMP dalam mewujudkan 'ekosistem' yang kondusif dan menarik untuk para pensyarah dan pelajar.